

Kelantan akan jadi negeri contoh

Oleh
SAROJI MOKHTAR
dan **ISMAIL MUHAMAD**

KOTA BHARU 22 Feb. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berjanji menjadikan Kelantan negeri contoh yang maju dalam semua bidang termasuk keagamaan jika rakyat memilih Barisan Nasional (BN) pada pilihanraya akan datang.

Perdana Menteri berkata, BN akan membuktikan bahawa pemimpin Melayu juga mampu membawa Kelantan yang kebanyakan rakyatnya juga Melayu maju setanding dengan negeri-negeri lain.

Katanya, rakyat Kelantan yang terkenal dengan kebolehan dan kepandaian akan diberikan peluang untuk sama-sama memajukan negeri ini.

Sehubungan dengan itu, beliau mengajak rakyat Kelantan supaya berfikir dan membuat pemilihan yang tepat pada pilihanraya kali ini jika mahukan Kelantan maju dalam segala bidang.

“Saya harap rakyat Kelantan dapat menentukan nasib mereka sendiri tanpa dikongkong oleh fikiran yang sempit,” ujarnya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis ceramah perdana dan terbuka puasa bersama rakyat di Sekolah Menengah Kadok di sini petang ini yang dihadiri oleh lebih 15,000 orang.

Isteri Perdana Menteri, Datuk Seri Datin Paduka Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali, Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Kelantan, Datuk Annuar Musa, Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Mustapa Mohamad, Setiausaha Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Datuk Ibrahim Ali adalah antara yang hadir sama.

Menurutnya, beliau sayangkan rakyat Kelantan dan mahu rakyat negeri ini memilih Barisan Nasional dan menolak kerajaan yang ada sekarang.

Beliau menegaskan kerajaan yang ada sekarang tidak mampu untuk membawa kemajuan kepada negeri ini selain daripada hanya pandai bercakap dan membuat janji tetapi tidak ditunaikan.